



## ANALISIS KINAYAH DALAM QASIDAH BURDAH IMAM AL-BUSHIRI

*ANALYSIS OF KINYAH IN QASIDAH BURDAH OF IMAM AL-BUSHIRI*

Muhammad Syahmi Bin Zulkifle<sup>1</sup>, Zarima Bt Mohd Zakaria<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Department of Language and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia  
Email: syahmizulkifle96@gmail.com

<sup>2</sup> Department of Language and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak,Malaysia  
Email: zarima@fbk.upsi.edu.my

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 05.03.2020

Revised date: 09.03.2020

Accepted date: 14.03.2020

Published date: 15.03.2020

#### To cite this document:

Zulkiflie, M. S., & Zakaria, Z. (2020). Analisis Kinayah dalam Qasidah Burdah Imam Al-Bushiri. International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 3 (9), 44-51.

**DOI:** 10.35631/IJHPL.39006.

### Abstrak:

Qasidah Burdah Al-Busiri merupakan salah satu qasidah yang popular pada zaman kesusastraan Arab. Qasidah al-Bushiri merupakan qasidah yang masyhur pada zaman sastera Arab zaman Mamluki. Dalam Qasidah al-Bushiri mengandungi unsur unsur istiarah, majaz, tasybih. Kinayah yang merupakan unsur keunikan dalam prosa arab. Kajian ini bertujuan menganalisis unsur kinayah yang terdapat dalam Qasidah al-Bushiri. Pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen melibatkan 10 bab yang dianalisis berdasarkan makna keseluruhan dan penjelasan keseluruhan puisi. Hasil daripada kajian ini mendapati terdapat 13 kinayah dalam sepuluh bab Qasidah al-Bushiri. Kajian daripada 13 kinayah adalah berdasarkan bab 1 iaitu pengaduan cinta, bab 2 peringatan tentang bahaya hawa nafsu, bab 3 madah pujian buat baginda Nabi Muhammad S.A.W,bab 6 Kemuliaan Al quran dan puji-pujianya , Bab 7 Isra Mikraj Baginda S.A.W dan bab 10 Rayuan munajat dan permohonan hajat.

### Kata Kunci:

Ilmu Bayan, Qasidah Burdah, Kinayah

### Abstract:

The Burdah Al-Busiri Qasidah was one of the most popular qasidah of the Arab period. The Qasidah al-Bushiri is a well-known qasidah in the Arabic literature of the Mamluki period. In the Qasidah Burdah contains elements of istiarah, majaz, tasybih. Kinayah is a unique element in Arabic prose. The purpose of this study is to analyze the elements of kinayah in the Qasidah al-Bushiri. The

researcher using the document analysis method involves 10 chapters which are analyzed based on the overall meaning and the overall explanation of the poem. The results of this study found that there are 13 factors in ten chapters of Qasidahal- Bushiri. The study of the 13 virtues is based on chapter 1 of the complaint of love, chapter 2 on the danger of lust, chapter 3 on the praise of the Prophet Muhammad, chapter 6 of the Glory of the Qur'an, chapter 7 Isra Mikraj His Majesty's S.A.W and chapter 10 Appeal of Appeal and Application of Intent.

**Keywords:**

Ilmu bayan, Qasidah Burdah, Kinayah

## **Pengenalan**

Secara umumnya, qasidah ialah satu kumpulan daripada bait-bait syair daripada bahar yang satu, terikat padanya sajak tunggal sebagaimana melihat itu sebagai sajak yang lama dan lebih daripada zaman-berzaman. Qasidah juga puisi yang berbentuk luahan hati rindu atau ucapan puji pujian kepada Allah S.W.T dan Rasullullah s.a.w dalam bentuk syair.

Qasidah ialah satu antologi daripada beberapa rangkap yang satu yang terbentuk secara wehdah. Qasidah pada asalnya merupakan lagu yang digunakan sebagai tujuan untuk hiburan. Walaupun begitu, qasidah mempunyai terlalu banyak makna dan pesanan yang terdapat dalam syairnya. Contoh seperti membuat syair yang menjelaskan tentang kelahiran Nabi Muhammad SAW dan dakwah Islam.

Qasidah Burdah mengandungi 160 bait yang ditulis dengan gaya bahasa atau uslub yang menarik, indah. Imam al-Busairi menterjemahkan kehidupan Nabi Muhammad saw kedalam bentuk bait-bait puisi yang sangat indah. Dengan bahasa yang sebegini indah, Imam al-Busairi telah berhasil menanamkan kecintaan dan kasihnya umat Islam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad saw dengan lebih mendalam.

Demikian juga dengan Qasidah Burdah, yang mengandungi unsur kinayah dalam bait-baitnya. Oleh sebab itu, ramai manusia melantukan alunan qasidah Burdah al-Bushiri ini dengan penuh rasa khusyuk dan hayati setiap rangkap-rangkap qasidah Burdah. Tetapi tidak ramai yang memahami setiap makna yang terkandung dalam qasidah ini. Dengan kajian ini, pengkaji berharap supaya pembaca mengetahui makna kinayah yang ditulis secara tersurat. Pengkaji memberi penjelasan dari segi ilmu balaghah bahasa Arab.

## **Pernyataan Masalah**

Pengkaji mendapati bahawa kajian berkenaan dengan Qasidah Burdah ini dari segi ilmu bayan terutama dalam aspek kajian kinayah. Kajian berkenaan dengan Ilmu Bayan dalam Qasidah Burdah ini sudah banyak dilakukan tetapi dalam kinayah kurang dilakukan dalam Bahasa Malaysia. Pengkaji ingin mengkaji berkenaan dengan Kinayah yang terdapat dalam Qasidah Bushiri.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini merangkumi beberapa objektif berikut:

- 1) Definisi berkenaan dengan Imam al- Bushiri dan qasidah burdah Imam al-Bushiri
- 2) Memahami tajuk qasidah Burdah Imam al-Bushiri dan maknanya.
- 3) Menganalisis gambaran kinayah mengenai Qasidah Burdah al- Bushiri

### **Persoalan Kajian**

- 1) Apakah definisi Imam al Bushiri dan Qasidah Burdah al-Bushiri?
- 2) Apakah tajuk-tajuk yang terdapat dalam bait-bait Qasidah al-Bushiri bersama penerangan bagi setiap perkara tersebut?
- 3) Apakah gambaran kesenian kinayah yang ada dalam Qasidah al-Bushiri bersama analisis?

### **Ilmu Balaghah**

Dari segi bahasa berasal dari perkataan kata dasar بلغ – يبلغ - بلاغة yang memberi makna fasahah yang bererti makna jelas dan terang (Mukhtar al-Sihah, 1993). Makna bagi kalimah fasih adalah makna yang jelas, bahasa mudah dan susunan yang baik.

Dari segi istilah ini balaghah memberi makna hebat dan jelas dengan menggunakan ungkapan yang benar dan fasih. Ia akan meninggalkan kesan di hati seseorang dan juga perlu sesuai dengan keadaan, persekitaran tahap orang yang bercakap (Ali al-Jarim & Mustapha Amin, 1959). Abdul Kadir Hussain menjelaskan dalam karya Salmah Hj. Ahmad (1999), bahawa ilmu balaghah ini merupakan suatu ilmu yang menarik kerana ia menjadikan percakapan seseorang itu bermakna dan gaya bahasa yang indah seperti yang kita ketahui daripada definisi tersebut dengan menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dengan tujuan yang dikehendaki.

### **Ilmu Bayan**

Ilmu balaghah ini terbahagi kepada tiga pecahan ilmu yang membicarakan penggunaan bahasa dari sudut yang berbeza. Tiga ilmu tersebut ialah ilmu al-Ma’ani, ilmu al-Bayan dan ilmu al-Badi’. Ilmu bayan sevara bahasa adalah penjelasan, pengungkapan, dan keterangan.

Manakala dari segi Istilah: iaitu dasar-dasar dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengetahui mendatangkan satu makna yang dikehendaki mutakallim dengan berbagai cara (berbagai tartib) yang sebahagiannya berbeza dengan sebahagian yang lain didalam menunjukkan kejelasan makna tersebut. (As-sayyid Ahmad Al-Hasyim, 1994)

Menurut Ahmad Hifni Muhammad Ali sepertimana dalam karya Azhar Muhammad (2006), menyatakan bahawa ilmu bayan ini mengurangkan kecacatan makna dan ayat. Ilmu bayan ini menjadikan bahasa tersebut indah. Ilmu bayan ini satu disiplin yang berperanan menyatakan kehendak dalaman individu bagi menepati kehendak yang diluahkan dan semestinya bersesuaian dengan keadaan, pelbagai gaya bahasa dan penjelasan yang dapat difahami oleh penerima secara logik akal. (Siti Saudah Haji Hassan, 1999). Antara perbahasan dalam ilmu bayan merangkumi aspek Tasybih, Majaz, Istia’arah dan Kinayah.

### **Kinayah**

Secara amnya, kinayah berasal dari perkataan kata kerja كنـيـاـةـيـكـنـيـاـة yang bermaksud bercakap secara berkias (Al-farahidy, 2001). Menurut Abdul Aziz Ateeq, (1985) mentakrifkan kinayah ialah kita bercakap tentang sesuatu tetapi yang dimaksudkan adalah dari sudut yang lain, atau maksud yang lain. Selain itu, menurut AL-Fairuzzabadi (1987) dan Ibn Manzur (1968), menyatakan bahawa kinayah ini kata yang mempunyai makna tersurat dan konotasi tetapi yang dikehendaki dengan makna konotasi dengan qarinah yang memberi makna tersebut.

### **Imam Al- Bushiri**

Nama Bushiri adalah Imam Sharifuddin Muhammad Bin Said Bin Ahmad Bin Muhsin, dilahirkan di Maghribi. Imam Al Bushiri dilahirkan pada hari Selasa bersamaan awal Syawal pada tahun 608 Hijrah (Hassan Hussein, 1988). Imam al-Bushiri, Muhammad ibn Sa'id ibn Hammad ibn Abdallah bin Sanhaj al-Bushiri, dilahirkan di Dallas, salah satu kampung Bani

Suef (1212 M). Al-Bushiri bekerja sebagai penulis bertulis dengan puisi sufinya dalam kasih Allah dan pujiannya terhadap kenabian dan perasaan sensasi emosi dan keindahan ungkapan. Imam Al Bushiri juga menganjurkan puisi hamziyya dalam memuji Nabi Muhammad S.A.w dan meninggal dunia pada tahun 1296 Hijrah di Iskandariyah . (Jehan Ma'mon, 2012).

Sewaktu zaman kecil, ia telah dididik dengan menghafaz Al-Quran, dan mempelajari ilmu agama. Dia juga mempelajari sastera dan sejarah Islam khususnya berkaitan dengan sirah para nabi-nabi. Dia juga mempelajari ilmu tasawwuf dan berguru dengan Abul Al-Mursi bagi tarekat Suffiyah. Dalam Qasidah Al Bushiri mengandungi daripada segi kehidupan Nabi Muhammad S.A.W, pujian terhadap nabi, kasih, doa-doa, pujian terhadap Al-Quran, Isra' Mi'raj tawasul dan sebagainya. Sesetengah daripada menganggap Qasidah ini dengan banyak cerita dan fiksyen, tetapi menetapkan syarat baginya ketika hendak membacanya seperti menghadap kearah kiblat dan wudhu' dan lain-lain. Kemudian mereka menjadikannya sebagai satu kebaikan dan kelebihan. Qasidah ini khususnya dalam kalangan zikir, murid dan lain-lain. Walaupun Burdah berlaku ada sedikit percanggahan beberapa ahli fuqaha, di dalamnya, ia mempunyai kedudukan yang suci bagi sesetengah orang Islam (Diwan Al-Bushiri).

### **Qasidah Burdah**

Imam al-Bushiri memuji Rasulullah S.A.W dan perjuangannya beserta para sahabat baginda dengan gaya bahasa yang indah dan cara cara yang sungguh menarik. Imam al-Bushiri digelar oleh para uama' sebagai "Saiyyidul Muddah" yang membawa weri penghulu para pemuji Rasulullah (Muhammad Rauf, 2008).

Nama Qasidah Burdah diberikan oleh Imam al-Bushiri sendiri setelah sembuh dari penyakit lumpuh. Imam Al-Bushiri bermimpi bertemu Rasulullah S.A.W menyapu tangan baginda di atas badan Imam Al-Bushiri yang sedang sakit dan Baginda Nabi menyelimuti badan Imam al-Bushiri dengan sehelai selendang iaitu Burdah dan sembuh dari penyakit lumpuh. Disebabkan peristiwa tersebut Imam al-Bushiri menamakan qasidahnya dengan Qasidah Burdah. (Muhammad Rauf, 2008). Namun, ada riwayat lain menyatakan bahawa Imam al-Bushiri mendapati burdah tersebut berada di atas badannya selepas beliau terjaga dari mimpi. Ada juga versi lain yang menyatakan bahawa sebelum baginda Rasulullah menyelimutkan Imam al-Bushiri, Baginda meminta Imam al-Bushiri memperdengarkan puisi tersebut kepada baginda dan baginda berasa gembira lalu menghadiahkan kepadanya selendang.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan mengkaji syair Qasidah Burdah dari segi makna dari aspek kinayah dan mendeskripsikannya sehingga dari yang diketahui atau yang samar-samar menjadi terang dan jelas. Seterusnya, pengkaji melakukan juga kajian perpustakaan menggunakan kitab Qasidah Burdah Pujian Versi Bahasa Melayu Terjemahan Muhammad Rauf.

### **Sumber Data**

#### **Data Primer**

Sumber data utama yang digunakan oleh pengkaji adalah Kitab Burdah karangan Imam al-Bushiri berkenaan 160 bait syair.

#### **Data Sekunder**

Disebabkan pengkaji menggunakan kaedah penjelajahan pustaka (library research), maka teknik pengumpulan data yang digunakan adalah dengan membaca, mengkaji berkenaan

dengan kajian dan menelaah pelbagai bahan bacaan literatur seperti buku dan sumber bertulis yang lain. Antara bahan bacaan yang digunakan ialah kitab Qasidah Burdah Pujian Versi Bahasa Melayu Terjemahan Muhammad Rauf.

### Analisis Data

Prosedur pengkaji menganalisis data ialah pertama ialah mengenal pasti puisi Al-Bushiri dalam bab 1-10. Kemudian, pengkaji membaca terjemahan qasidah dalam Bahasa Melayu. Kemudian, penganalisis mencari kinayah dalam qasidah burdah al-Bushiri. Seterusnya, mengeluarkan kinayah yanag terdapat dalam teks syair. Akhir sekali, memberi makna kinayah bagi perkataan yang dikenal pasti.

#### *Analisis Kinayah dalam Qasidah Burdah Bushiri*

Kinayah

1) مزجت دمعا جرى من مقلة بدم

أَمْن تذَكِّر جِيرانٍ بذى سَلِيمٍ

Fasal pertama pengaduan cinta bait 1

Apakah karena Mengingat Para kekasih di Dzi Salam.

Kau campurkan air mata di pipimu dengan darah.

Perkataan kinayah di sini kalimah bergaris ialah bekanaan dengan kuatnya rindu Imam Bushiri kepada Nabi Muhammad S.A.W.

2) مثل البهار على خديك والعنم

وأثبت الوجود خطني عبرة وضنى

Fasal pertama pengaduan cinta bait 7

Kesedihanmu timbulkan dua garis tangis dan kurus lemah.

Bagaikan bunga kuning di kedua pipi dan mawar merah.

Bait di atas berkenaan dengan kesedihan. Dan makna kalimah yang bergaris ialah garis tangis yang bermaksud alamat pucat di wajahnya dan air mata yang menetes di kedua pipinya.

3) والشيب أبعد في نصح عن التهم

إِن اتَّهَمْتَ نصيحة الشَّيْبِ فِي عَذَلٍ

Fasal pertama pengaduan cinta bait 12

Aku kira ubanku pun turut mencelaku.

Padahal ubanku pastilah tulus memperingatkanku.

Ini menerangkan tentang nasihat ialah uban yang juga menunjukkan dia berada dalam waktu yang tua.

Selain itu, menunjukkan uban yang nasihat bahawa kematian semakin dekat dengan dirinya. Kinayah uban dengan nasihat.

4) من جهلها بنذير الشَّيْبِ والهرم

فَإِنَّ أَمَارِي بِالسُّوءِ مَا أَتَعْظَثُ

Fasal kedua tentang peringatan tentang bahaya hawa nafsu bait 13

Sungguh hawa nafsku tetap bebal tak tersadarkan.

Sebab tak mau tahu peringatan uban dan kerentaaan.

Ini menjelaskan bahawa nafsu tetap menyuruh kita melakukan keburukan kita perlu berhati-hati kerana kematian semakin dekat ajal kematian. Makna kinayah uban disini ialah bermaksud dekatnya dengan kematian.

**5 ضيفِ ألمٍ برأسِي غيرَ محشِّم**      **ولا أعدُّ من الفعل الجميل قري**

Fasal kedua tentang peringatan tentang bahaya hawa nafsu bait 14

Tidak pula bersiap dengan amal baik untuk menjamu.

Sang uban yang bertamu di kepala tanpa malu-malu.

Bait ini menyuruh kita supaya melakukan banyak amalan yang baik dan mengelakkan daripada melakukan perkara yang buruk. Maksud tamu ialah uban yang tumbuh di kepala tanpa disedari sedangkan penulis belum mempersiapkan dirinya dengan segala amal yang baik. Makna sebenar kinayah bagi perkataan tersebut ialah uban yang tumbuh.

**6 من المخaram والزم حمية الندم**      **واستفرغ الدمع من عين قد امتلأ**

Fasal kedua tentang peringatan tentang bahaya hawa nafsu bait 23

Biarlah air matamu kering dari menangisi dosa, kerana sudah sekian lama ia kering

Dengan maksiat dan tetaplah engkau penyesalannya (taubatnya)

Maksud di sini ialah berkenaan dengan menangis kerana telah melakukan banyak dosa dan perkara yang haram. Dan kembali dengan bertaubat dengan penyesalan yang sebenar. Bait ini menerangkan kinayah berkenaan tentang menangis.

**7 إن اشتكتْ قدماه الضَّرَّ من ورم**      **ظلمتْ سَنَةً مِّنْ أَحِيَا الظَّلَامِ إِلَى**

Fasal ketiga tentang madah puji buat baginda Nabi S.A.W bait 29

Aku telah menzalimi sunnah Nabi yang telah menghidupkan kegelapan malam dengan ibadat sehingga kedua belah kakinya mengadu kesakitan kerana bengkak

Pada bait ini menerangkan berkenaan dengan nabi yang menghidupkan pada malam hari hingga bengkaknya kaki Nabi Muhammad S.A.W. Dan makna perkataan kalimah tersebut mengadu kaki kesakitan kinayah tentang kuatnya bangun malam. Kinayah yang dikehendaki disini maksudnya banyaknya bangun malam.

**8 لكل هولٍ من الأهوال مقتحم**      **هو الحبيب الذي ترجى شفاعته**

Fasal ketiga tentang madah puji buat baginda Nabi S.A.W bait 36

Nabi adalah kekasih tercinta yang sangat diharapkan syafaatnya untuk menyelamatkan kita dari segala rasa kebimbangan yang menyelebungi hati.

Bait ini menerangkan berkenaan dengan syafaat Nabi yang diharapkan pada hari kebangkitan kepada semua yang ketakutan. Antaranya syafaatnya orang memasuki neraka dapat keluar darinya, Selain itu, syafaat Nabi Muhammad S.A.W juga menaikkan darjah orang yang ada di syurga. Kinayah di sini maksudnya ialah Rasulullah S.A.W.

قدیمةٌ صفةُ الموصوف بالقدم (9)

آياتٌ حقٌّ من الرحمن مُحدثةٌ

Fasal keenam tentang kemuliaan Al-Quran dan puji-pujiannya bait 91 Ayat-ayat yang benar itu diturunkan dari Allah Yang Maha Pemurah. Ia adalah sifat Yang Qadim bagi Allah S.W.T.

Pada bait syair ini, menerangkan berkenaan mukjizat ayat yang Haq yang benar iaitu Al-Quran. Ayat benar itu diturunkan dari Allah yang Maha Pengasih. Al-Quran itu kalam Allah. Kinayah di sini ialah tentang Al-Quran Karim.

وَفَوْقَ مِنْتُونَ الْأَيْنُقِ الرُّسُمِ (10)

يَا خَيْرَ مَنْ يَمِّعَّلُ الْعَافُونَ سَاحَّتَهُ سَعِيًّا

Fasal ketujuh tentang Isra' Mikraj baginda Nabi S.A.W bait 105

Wahai insan termulia yang teras kediamannya

Sentiasa dituju oleh para perindu

Yang mengharap makruf dan segala kebaikan

Sama ada bagi mereka yang berjalan kaki atau menaiki unta yang laju.

Ini kerana Baginda adalah orang yang diharapkan dari pengunjungnya. Kinayah di sini bagi kalimah tersebut ialah Nabi Muhammad S.A.W kerana Nabi adalah seorang yang semulia-mulia mahkluk.

كَمَا سَرَى الْبَدْرُ فِي دَاجِ مِنَ الظُّلْمِ (11)

سَرِيَّتَ مِنْ حَرَمٍ لَيْلًا إِلَى حَرَمٍ

Fasal ketujuh tentang Isra' Mikraj baginda Nabi S.A.W bait 107

Di keheningan malam engkau telah berjalan dari Masjidil Haram ke Baitul Maqdis bagai bulan purnama berjalan laju menembusi kegelapan malam.

Di sini menerangkan dengan perjalanan Nabi Muhammad S.A.W dari masjidil ke masjidil Aqda dalam satu malam. Diumpamakan Nabi Muhammad S.A.W bagai bulan purnama yakni keindahan Nabi Muhammad S.A.W. Kinayah di sini berkenaan dengan Masjidil Aqsa.

فَضْلًا وَإِلَّا فَقْلٌ يَا زَلَةَ الْقَدْمِ (12)

إِنْ لَمْ يَكُنْ فِي مَعَادِي آخِذًا بِيَدِي

Fasal kesembilan tentang tawassul kepada Saiyidina Muhammad bait 147

Kalau bukan Baginda S.A.W yang akan memberi syafaat kepadaku pada hari kiamat nanti, maka katakanlah :" wahai alangkah ruginya orang yang tergelincir kakinya".

Di hari kiamat nanti, semoga kita mendapat menolong Baginda. Kita akan menjadi orang yang rugi sekiranya tidak mendapat pertolongan Nabi Muhammad S.A.W yang mana pertolongan dapat menyelamatkan kita kesusahan di hari kiamat. Makna kinayah tergelincir kaki di sini bermaksud kerugian.

سَوَاكَ عِنْدَ حَلُولِ الْحَادِثِ الْعَمِيمِ (13)

يَا أَكْرَمَ الْخَلْقِ مَا لِي مِنْ أَلَوْدٍ بِهِ

Fasal kesepuluh rayuan munajat dan permohonan hajat bait 152

Wahai insan yang paling mulia! Tiada sesiapa untukku berlindung; selain daripadamu ( Nabi ), ketika berlaku huru-hara yang membingungkan di padang Mahsyar.

Di bait ini menerangkan tentang merayu agar mendapat perlindungan Nabi Muhammad S.A.W ketika berlaku huru-hara di padang mahsyar yang dashyat dan mengerikan. Kinayah bagi kalimah tersebut semulia makhluk bermaksud Nabi Muhammad S.A.W.

### Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini mendapat terdapat unsur kesenian ilmu bayan dalam Qasidah Burdah Imam Al Bushiri bagi kinayah mengandungi 13. Dalam fasal pertama mengandungi 3 kinayah, di fasal kedua mengandungi 3 kinayah, manakala fasal ketiga terdapat 2 kinayah. Seterusnya fasal keenam mengandungi 1 kinayah, fasal ketujuh mengandungi 2 kinayah. Dan di fasal sepuluh masing mengandungi 1 kinayah. Secara umumnya, kinayah mampu dikuasai oleh semua orang dan menjadi gaya bahasa itu lebih menarik untuk digunakan. Penggunaan kinayah ini menjadikan yang tersirat dalam sayair atau puisi mudah difahami secara mandalam.

### Rujukan

- Abu Bakar, S. (1). Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah Dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes Di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 4. Retrieved From <Https://Jurcon.Ums.Edu.My/Ojums/Index.Php/Ga/Article/View/1182>
- Al-Fairuzzabadi, Muhammad ibn Yaaqub. (1987). al-Qamus al-muhit. Cetakan.7. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Al-Farhidī, Abd al-Rahmān Khalīl Ibn Aḥmad. (2001). *Kitāb al-Ayn*. Beirūt: Dar Ihya al-Turath al-Arabi
- Al-hashimi, al-Sayyid Aḥmad. (2002). Jawahir al-balaghah fi al-maani wa al-bayan wa al-badi . Kaherah: Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Ali Al-Jarem, Mustapha Amin (1959). *albalaghat alwadihat wadalil albalaghat alwadiha*. Mesir. Dar AL-Maarif.
- Azhar bin Muhammad dan rakan-rakan. (2006) “Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab”, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia., Johor.
- Hasan Hussin (1988), *thulathiat albardat bardat alrasul allah ealayh wasalam*. Doha. Dar Qatar.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram. (1968). Lisan al-Arab. Beirut: Dar Sadir & Dar Beirut.
- Mahmood MrGlani (2012). *Qashidah Burdah Pujian*. Zawiyah Shazliyyah Center, Selangor
- Muhamad Rauf Haji Minhat (2008). *Qasidah Burdah*. Melaka
- Muhammad Atiq' Al-Abrahi (1948). 'ahdath alturuq altarbiat libdaris allughat al-Arabiya'. Mesir. Maktabah Nahdet Masr.
- Salmah Hj. Ahmad, 1999, “Ilmu Ma’ani, Kajian Perbandingan dengan bahasa Melayu”, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Suryaningsih, Iin & Hendrawanto, Hendrawanto. (2018). Ilmu Balaghah: Tasybih dalam Manuscrip “Syarh Fi Bayan al-Majaz wa al-Tasybih wa al-Kinayah”. *JURNAL AL-AZHAR INDONESIA SERI HUMANIORA*. 4. 1. 10.36722/sh. v4i1.245.
- Syaikh Ibrahim Al-Bajuri. (t.t). *Syarah al Bajuri ala Burdah al-Bushiri*. Maktabah Al-Adab.
- Syarifuddin Abi Abdullah Muhammad (2011). *Diwan Al-Bushiri*. Beirut. Dar Al-Kutub Al-Ilmiya.